

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"HASIL bumi, bukanlah ukuran muktamad untuk menentukan pembangunan ekonomi. Tetapi ekonomi yang bertahap tinggi lebih bergantung kepada usaha-usaha tertentu seperti usaha-usaha di bidang-bidang pertanian dan perindustrian umpamanya." — Titah Sempena Menyambut Tahun Baru Masihi 1995.



قلبتا بروني

Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

مانيسن إيمان

MANISNYA IMAN

"DAN seandainya kamu menghitung nikmat Allah (yang diberikan-Nya) nescaya pasti kamu tidak boleh menghitungnya." — Maksud ayat 18 Surah An-Nahl.

TAHUN 41 BILANGAN 43

RABU 23 OKTOBER, 1996

رابو 10 جمادي الأخير، 1417

PERCUMA




MENERIMA MENGADAP ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersalaman dengan Ketua Menteri Bagi Northern Territory Australia, Yang Berhormat Tuan Shane Stone ketika baginda berkenan menerima mengadap Yang Berhormat di Istana Nurul Iman.

Menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 Oktober. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap Ketua Menteri Bagi Northern Territory Australia, Yang Berhormat Tuan Shane Stone di Istana Nurul Iman di sini hari ini.

Yang Berhormat Tuan Shane Stone adalah dalam rangka lawatan dua hari ke negara ini bagi meningkatkan lagi hubungan dua hala.

Hadir di majlis mengadap itu ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dan Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin.



BERSALAMAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Duli Yang Teramat Mulia Putera David Dlamini, Pesuruhjaya Tinggi Kerajaan Swaziland ke negara ini yang tidak menetap di Istana Nurul Iman pada 14 Oktober.

Usaha badan-badan sukarela dihargai

GADONG, 18 Oktober. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha dalam titah baginda melahirkan kegembiraan ke atas usaha-usaha dan kegiatan-kegiatan berkebakjian yang dianjurkan oleh pertubuhan atau badan-badan sukarela di negara ini di mana ianya titah baginda akan memberikan sumbangan secara positif kepada proses pembangunan dan pembentukan anak-anak yang bakal menerajui masyarakat dan negara.

Baginda bertitah demikian di Majlis Sambutan Sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia baginda anjuran Badan Kebajikan Isteri-Isteri Pegawai dan Pegawai-Pegawai Wanita Kerajaan Brunei (BISTARI) yang juga diselenggarakan dengan majlis pembukaan rasmi bangunan baru persatuan berkenaan di sini.

Semasa bertitah baginda juga menekankan mengenai kepentingan pembahagian masa.

"Di samping itu, pembahagian masa amatlah penting kita berikan perhatian, agar masa yang sangat berharga itu tidak terlepas dengan sia-sia. Yang paling mus-

Oleh
Siti Muslihat HS

tahak, pada hemat beta ialah perhatian dan tumpuan masa yang kita berikan kepada anak-anak kita, terutama di kalangan anak-anak yang meningkat remaja. Ini adalah kerana dalam tempoh umur tersebut, akan terdapat bermacam-macam pengaruh dan persoalan yang mereka hadapi," titah baginda.

Baginda yang juga merupakan Penaung BISTARI seterusnya

melahirkan keyakinan, hanya dengan bimbingan dan perhatian sepenuhnya dari ibu bapa merupakan satu-satunya yang dapat memastikan anak-anak mereka menghadapi tempoh usia dengan sebaik-baiknya.

Dalam pada itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri menaruh harapan agar Persatuan BISTARI akan terus mengadakan kegiatan-kegiatan yang berkebakjian.

"Dengan terbinanya bangunan baru ini, beta penuh berharap agar BISTARI akan terus mengukayahkan kegiatan-kegiatan

yang bermanfaat, demi untuk kebaikan ahli-ahli BISTARI pada khususnya dan masyarakat sekeliling pada umumnya," baginda menambah titah.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dan doa kesyukuran sempena ulang tahun hari puja usia baginda dibacakan oleh Datin Hajjah Hindut binti Haji Lamat.

Keberangkatan tiba baginda di bangunan baru BISTARI di Kampong Mata-Mata Gadong dijunjung oleh ahli-ahli jawatan-

Lihat muka 16

Tingkatkan hubungan dua hala

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 Oktober. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, hari ini menerima mengadap Yang Berhormat Tuan Shane Stone, Ketua Menteri Bagi Northern Territory, Australia di Balai Penghadapan Bukit Kayangan.

Dalam perjumpaan itu, Duli Yang Teramat Mulia diperkenalkan kepada Tuan Nick Paspaley, Pengarah Kumpulan Syarikat-syarikat Paspaley salah seorang usahawan terkemuka di Wilayah Utara dan berbincang mengenai perkara-perkara kepentingan bersama antara Negara Brunei Darussalam dan Northern Territory, Australia serta mengambil maklum hubungan baik yang ter-

jalin di antara kedua buah negara terutama sekali ketika ini Negara Brunei Darussalam adalah negara penyelaras dialog bagi ASEAN-Australia.

Yang Berhormat Tuan Shane Stone dan Tuan Nick Paspaley adalah dalam rangka lawatan dua hari ke negara ini bagi meningkatkan lagi hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Australia, terutama mengenai penglibatan Northern Territory, Australia dalam inisiatif BIMP-EAGA.

Tingkatkan imej industri pembinaan

Oleh Sahari Akim

BERAKAS, 14 Oktober. — Salah satu cara menarik minat lebih banyak anak-anak tempatan menceburi industri pembinaan ialah dengan mengubah dan meningkatkan imej industri pembinaan itu sendiri.

Perkara ini ditekankan oleh Menteri Pembangunan, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Wijaya Pengiran Dr. Haji Ismail ketika bersabda selaku tetamu kehormat Sempena Sambutan Hari Piawai Sedunia 1996 yang berlangsung di Dewan Bertabur Kementerian Pembangunan di sini.

Yang Amat Mulia menambah sabda, peningkatan imej boleh dicapai bila industri binaan secara konsisten menghasilkan kerja-kerja yang bermutu tinggi seperti membina bangunan-bangunan indah yang menjadi kebanggaan bangsa.

Menurut Yang Amat Mulia, matlamat itu akan dapat dicapai bila industri pembinaan mempunyai rekod keselamatan yang tinggi hingga ibu bapa dapat melihat bahawa anak-anak mereka tidak menempuh risiko bahaya jika berkecimpung dalam industri tersebut.

Selain dari itu sabda Yang Amat Mulia, ia juga akan dapat dicapai jika terdapat contoh-contoh pengurusan yang berkualiti dengan industri pembinaan yang dapat menjanjikan pendapatan terjamin dan lumayan.

Lihat muka 16



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha semasa berkenan menerima mengadap Puan Josephine Stone, isteri Ketua Menteri Northern Territory, Australia di Istana Nurul Iman.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam semasa berkenan menerima mengadap Puan Josephine Stone, isteri Ketua Menteri Northern Territory, Australia di Istana Nurul Izzah.

Menerima mengadap

Oleh
Abd. Karim HAB

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 Oktober. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam hari ini berkenan menerima mengadap secara berasingan Puan Josephine Stone, isteri Yang Berhormat Tuan Shane Stone, Ketua Menteri Northern Territory, Australia.

Istiadat mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berlangsung di Istana Nurul Iman, manakala istiadat mengadap ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri pula berlangsung di Istana Nurul Izzah.

Di istiadat itu, Puan Josephine Stone diiringi oleh Puan M. Callan, isteri Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Tuan Shane Stone adalah dalam lawatan kerja ke negara ini.

Usaha badan sukarela dihargai

Dari muka 1

kuasa tertinggi yang diketuai oleh Yang Dipertua Persatuan itu, Datin Hajjah Edah binti Haji Mohd. Noor.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain, Yang Teramat Mulia Pengiran Bini Hajjah Mazuin dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Majlis dimulakan dengan bacaan Al-Quran oleh Dayangku Ruwaida binti Pengiran Haji Jaberuddin Arab seorang penuntut dari Sekolah Persediaan Arab Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Aturcara majlis termasuklah sembah alu-aluan dari Yang Dipertua Persatuan, persembahan deklamasi sajak dari Datin Hajjah Maimunah binti Haji Omar, persembahan nasyid serta Dikir Marhaban dari ahli-ahli persatuan.

Di majlis ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri juga berkenan mengurniakan sijil penghargaan kepada Jawatankuasa Pengasas dan Jawatankuasa Tadbir BISTARI serta penghargaan kepada para dermawan yang telah menyumbangkan tenaga,

wang ringgit dan buah fikiran sehingga terbina-bangunan BISTARI. Baginda seterusnya berkenan mengurniakan derma dari Persatuan BISTARI yang berjumlah \$2,000; kepada Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Rahim bagi wakil Persatuan Kanak-Kanak Cacat, KACA.

Baginda kemudiannya berkenan memotong 'kek puja usia' dan setelah itu dijunjung untuk menyaksikan pameran urusan rumahtangga oleh ahli-ahli persatuan. Sebelum berangkat mening-

galkan majlis, baginda berkenan menerima junjung ziarah dari ahli-ahli persatuan.

Bangunan BISTARI yang baru ini merupakan fasa pertama dan dibina di atas sebidang tanah seluas 1.5 hektar. Pembinaan bermula pada bulan Oktober 1995 dan siap pada bulan Julai lalu dengan menelan belanja hampir satu juta ringgit. Bangunan ini dilengkapi dengan sebuah dewan serbaguna, bilik persidangan serta beberapa ruang pejabat bagi membolehkan persatuan tersebut menjalankan berbagai kegiatan. Sementara itu dalam perancangan bagi pembinaan fasa kedua, beberapa ruang tambahan akan dibina termasuk beberapa buah gelanggang sukan.

Tingkatkan imej industri pembinaan

Dari muka 1

"Semua aspek tersebut memerlukan disiplin yang mesti diikuti dengan kemahiran, pengetahuan, keinginan untuk maju dan pandangan jauh," tegas Yang Amat Mulia.

Yang Amat Mulia juga bersabda menasihatkan para pemborong, pembekal dan semua yang terlibat untuk menggunakan peluang kerja dan projek-projek yang ada sebagai satu proses persediaan melatih disiplin diri dalam menghasilkan kerja yang bermutu bagi tujuan untuk mencapai matlamat-matlamat yang lebih tinggi lagi terutamanya dalam dunia perniagaan yang semakin 'competitive'.

Para pengusaha sabda Yang Amat Mulia, perlulah melengkapkan diri dengan keupayaan sedemikian dan faham 'expectation' pelanggan masa kini kerana kita tidak lama lagi akan menempuh abad ke 21 di mana rantau kita semakin berkembang pesat dan isu kualiti pasti diberikan perhatian berat.

Yang Amat Mulia menjelaskan, seperti yang kita sering terbaca di akhbar-akhbar, rantau Asia akan tumbuh dengan pesatnya dan banyak peluang-peluang yang akan timbul kerana negara-negara di rantau ini perlu menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur untuk memenuhi keperluan pertumbuhan penduduk, industri dan ekonomi.

"Jika pengusaha-pengusaha tempatan ingin mengambil keuntungan dari peluang-peluang yang semakin terbuka

ini, para pengusaha kita selain dari bergantung semata-mata kepada peluang-peluang 'domestic' atau dalam negeri, harus juga dari sekarang mengorak langkah mengatur strategi masing-masing untuk menembusi pasaran luar negeri."

"Salah satu dari strategi tersebut ialah membina keupayaan sendiri untuk berkebolehan menghasilkan mutu kerja yang terjamin dan diterima oleh pelanggan di pasaran antarabangsa," saran Yang Amat Mulia.

Ketika bersabda Yang Amat Mulia juga menyatakan bahawa Syarikat Galfar Pembinaan dan Perusahaan (Brunei) Sendirian Berhad adalah merupakan salah satu contoh pemborong yang mempunyai wawasan dan komitmen ke arah menjadikan pembinaan kerjaya yang membanggakan.

Syarikat tersebut telah berjaya memenangi sijil pemborong terbaik bagi keselamatan dan kebersihan tapak pembinaan selama 4 tahun berturut-turut.

Sekarang syarikat ini sudah mengendalikan 16 projek berbanding 5 projek pada tahun 1992 selain mencapai turnover B\$80 juta berbanding B\$19 juta pada tahun 1992 dan ketika ini mempunyai 1,700 pekerja ber-

banding hanya 640 pada tahun 1992.

Sebuah lagi syarikat yang kita hargai usahanya, sabda Yang Amat Mulia ialah Syarikat Interline Roofing (Brunei) Sendirian kerana telah berjaya melaksanakan Sistem Total Quality Management, TQM dalam pengurusannya.

Syarikat ini yang secara konsisten telah memberikan

perhatian terhadap pengurusan mutu adalah merupakan syarikat yang pertama mendapat pengiktirafan ISO 9000.

Yang Amat Mulia di majlis itu juga telah berkesudian menyempurnakan penyampaian sijil-sijil kepada kedua buah syarikat tersebut termasuk kepada ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal Piawai Negara Brunei Darussalam.



MEMOTONG KEK ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ketika berkenan memotong kek hari puja usia baginda yang dipersembahkan oleh Badan Kebajikan Isteri-Isteri Pegawai dan Pegawai-Pegawai Wanita Kerajaan Brunei (BISTARI) yang dilangsungkan pada 18 Oktober lepas.



JUNJUNG ZIARAH ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha ketika berkenan menerima junjung ziarah sebahagian ahli-ahli BAKTI ketika baginda berangkat ke Majlis Santap Petang sempena hari puja usia baginda anjuran BAKTI.

MENINGKATKAN KUALITI HIDUP BERASASKAN AJARAN ISLAM

دربیتکن اوله جباتن فنراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، کمترین اوندغ ۲ نکارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam.